



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	3/10/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	TNB			

MOHON SABAR

Metro Ahad, 3
Okt 2021_13

Gangguan bekalan elektrik di Jambatan Pulau Pinang sedang dibaik pulih

Georgetown: PLUS Malaysia Bhd (PLUS) mengesahkan Jambatan Pulau Pinang mengalami gangguan bekalan elektrik sejak malam kelmarin dan kerja membaik pulih sedang dilakukan bagi memulihkan situasi secepat mungkin.

Ketua Perhubungan Libat Urus Strategik PLUS Syed Mohammed Idid berkata gangguan yang berlaku pada jam 8.23 malam itu turut menjejaskan kawasan sekitar pulau dan Seberang Jaya yang menghubungkan jambatan itu.

“PLUS memohon maaf atas kesulitan akibat gangguan berkenaan dan pihak kami sedang melakukan kerja membaik pulih...kami juga memohon

kesabaran pelanggan lebuhraya dalam memahami situasi dan pihak kami sedang memulihkan kembali bekalan elektrik di plaza tol dan jambatan dengan kadar segera,” katanya, semalam.

Bagaimanapun, katanya, semua lorong kini berfungsi seperti biasa dan sebarang perkembangan terkini akan dimaklumkan kepada orang ramai dari semasa ke semasa menerusi Twitter PLUS Trafik atau Aplikasi PLUS.

Syed Mohamad turut menasihatkan pengguna menuju ke jambatan agar memandu dengan berhati-hati dan memastikan jarak yang selamat dari kenderaan di hadapan.